

01/02/2000

Umno tidak mampu ulangi kesilapan

GEORGETOWN, Isnin - Umno tidak mampu menghadapi pergolakan dan perpecahan seperti pada 1987 akibat terlalu ghairah dengan pemilihan, kerana ia akan hanya melemahkan parti.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Datuk Rais Yatim, berkata Umno tidak boleh mengulangi kesilapan itu lagi kerana ia hanya membawa kepada perpecahan.

Sehubungan itu, beliau meminta ahli Umno agar tidak leka dalam perebutan jawatan sehingga sampai ke tahap melemahkan parti bagi menghadapi cabaran lebih besar di masa depan.

Katanya, kehilangan Kelantan dan Terengganu ke tangan pembangkang pada pilihan raya lalu wajar menjadi ingatan serta pengajaran agar Umno tidak terus bergolak.

"Pilihan raya baru saja selesai, Kelantan dan Terengganu sudah terlepas ke tangan pembangkang dan Umno tidak boleh terus bergolak kerana ia hanya akan melemahkan parti dan hak orang Melayu," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas merasmikan 'Bengkel Antarabangsa Kumpulan Pakar Berkaitan Rasuah: Siasatan dan Pencegahan' di Hotel Northam di sini, hari ini.

Turut hadir Ketua Pengarah Badan Pencegah Rasuah, Datuk Ahmad Zaki Husin, Timbalan Ketua Pengarah BRP (Pencegahan), Datuk Mohd Zawawi Mohd Nordin dan Timbalan Pengarah BPR (Operasi), Datuk Ahmad Said Hamdan.

Sementara itu, Rais sekali lagi menegaskan Umno tidak perlu mempunyai kumpulan ketika bertanding.

"Amalan itu tidak akan membuka pintu kepada kemasukan pemimpin berwibawa sehingga menjejaskan matlamat perjuangan memperkukuhkan parti," katanya yang turut menawarkan diri untuk bertanding bagi merebut jawatan Naib Presiden.

Beliau berkata, Umno perlu terus menerima amalan biasa dengan membenarkan pemimpin berwibawa turut diberi peluang bertanding dan bukan berdasarkan kumpulan tertentu.

Beliau berkata, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi adalah gandingan terbaik ketika ini dan patut diberi sokongan padu.

(END)